PKR Sedia Jalin Kerjasama Politik Dengan Kadir Sheikh Fadzir
mStar Online
Mei 30, 2012

PETALING JAYA: Belum sempat dilancarkan secara rasmi, Parti Keadilan Rakyat (PKR) menunjukkan minat untuk menjalin kerjasama dengan parti baru yang diasaskan oleh bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali berkata, parti itu sedia membuka pintu kepada bekas pemimpin senior Umno berkenaan terutama bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan datang.

"Kalau itu hasratnya (tubuh parti baru), saya menghormati. Kita boleh bincang untuk melihat apakah bentuk kerjasama yang boleh kita jalin pada masa akan datang.

"Bagi saya yang penting ialah prinsip penyuburan demokrasi dalam sistem dua parti harus dipertahankan," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat PKR di sini, Rabu.

Beliau mengulas mengenai pengumuman Abdul Kadir meninggalkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Angkatan Amanah Merdeka (Amanah) untukmembentuk parti baru yang bakal dikenali sebagai Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

Penubuhan Ikatan dijangka akan dibuat secara rasmi pada 7 Jun ini.

Abdul Kadir yang sebelum ini berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan selama 30 tahun mengumumkan keluar Umno pada 19 Mac lalu.

Beliau kemudiannya dilihat hadir dalam beberapa siri ceramah pakatan pembangkang.

Sementara itu ditanya sama beliau terkejut dengan keputusan Abdul Kadir menubuhkan parti baru tanpa menyertai mana-mana komponenpembangkang, Mohamed Azmin berkata: "Itu adalah hak beliau berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

"Cuma kita berharap penubuhan parti baru ini dapat mendokong hasrat rakyat untuk mempertahankan sistem dua parti," katanya.

Dalam pada itu Mohamed Azmin turut mengakui pernah mengadakan pertemuan secara peribadi dengan Abdul Kadir bagi membincangkanmengenai bentuk kerjasama yang boleh dijalinkan.

"Kami ada beberapa siri perbincangan dengan beliau. Pastinya dengan pengalaman yang beliau ada boleh membantu Pakatan Rakyat.

"Namun keputusan untuk menyertai mana-mana parti adalah pilihannya. Saya tak boleh cakap bagi pihak pakatan, tapi dalam konteks PKR, kami berbincang tentang pelbagai isu.

"Tapi kami tak bincang khusus untuk beliau menyertai PKR," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:
http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/5/30/mstar_berita/20120530200225&sec=mstar_berita